



مجلس قريبندران امقج جاي  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
MENARA MPAJ JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR  
55100 KUALA LUMPUR.



Telefon : 03-4296 8000 / 03-4285 7000  
Faks : 03-4296 8050 / 03-4296 8060  
E-mel : hotline@mpaj.gov.my



"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : MPAJ.L.100-  
8/1 Jld.4 (136)  
10 Januari 2020

**PEMEGANG-PEMEGANG LESEN /  
PEMILIK PERNIAGAAN  
DALAM KAWASAN PENTADBIRAN  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

*Y.Bhg. Dato' / Tuan / Puan*

**NOTIS MAKLUMAN DAN PEMBERITAHUAN PROGRAM:  
Pemeriksaan dan Penguatkuasaan Gerai-gerai di dalam restoran yang tidak berlesen / premis establishments makanan yang tidak berlesen / melanggar syarat-syarat kelulusan lesen selaras dengan undang-undang kecil pelesenan establishments makanan (MPAJ) 2007**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan, Jabatan Pelesenan Majlis Perbandaran Ampang Jaya akan melaksanakan Program : **Pemeriksaan dan Penguatkuasaan Gerai-gerai di dalam restoran yang tidak berlesen / premis establishments makanan yang tidak berlesen / melanggar syarat-syarat kelulusan lesen** selaras dengan peruntukan undang-undang yang dinyatakan di dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Establishments Makanan (MPAJ) 2007 terhadap semua gerai-gerai di dalam premis restoran / establishments makanan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

3. Sepertimana pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, berdasarkan peruntukan UUK Pelesenan Establishments Makanan (MPAJ) 2007 setiap gerai-gerai yang di dalam premis restoran / establishments makanan hendaklah berlesen dengan kadar RM 100.00 / unit / tahun [rujuk **Jadual Kedua, Perenggan B, 4 (a)**].

3. Pelaksanaan program ini adalah untuk memastikan semua premis establishments makanan dan gerai-gerai berkaitan mempunyai kelulusan lesen yang sah dari pihak Majlis. Program ini akan dilaksanakan bermula pada **Januari 2020** di setiap premis establishments makanan. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan **hendaklah memastikan:**

- 3.1 Setiap **aktiviti perniagaan** yang dijalankan mempunyai lesen perniagaan yang sah dari MPAJ;
- 3.2 Setiap **gerai di dalam premis** mempunyai kelulusan lesen yang sah dari MPAJ;
- 3.3 Gerai-gerai **tidak diletakkan di kaki lima premis atau mana-mana tempat awam**; dan

- 3.4 Semua aktiviti yang dijalankan **mematuhi semua peruntukan undang-undang** di dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MPAJ) 2007 dan undang-undang bertulis lain yang terpakai di Malaysia
4. Kegagalan mematuhi arahan yang ditetapkan, Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan akan dikenakan tindakan penguatkuasaan:
- 4.1 **Kompaun maksimum RM 1,000.00 bagi kesalahan tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah** mengikut undang-undang kecil yang bersesuaian;
- 4.2 **Kompaun maksimum RM 1,000.00 mengikut Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (MPAJ) 2007 jika: -**
- (a) **meletakkan gerai-gerai makan tanpa kelulusan lesen yang sah dari pihak Majlis;**
  - (b) **sebarang pelanggaran syarat-syarat kelulusan; dan**
  - (c) **kesalahan-kesalahan lain yang tertakluk di bawah peruntukan undang-undang kecil yang berkaitan;**
- 4.3 **Sitaan** mengikut peruntukan UUK 57 (1), Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (MPAJ) 2007; dan
- 4.4 **Kompaun dan sitaan** mengikut peruntukan **Seksyen 46 (1)(d), Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]**
5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan yang memerlukan penjelasan lanjut, Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi Jabatan Pelesenan di talian 03-4285 7344 atau email di [pelesenan@mpaj.gov.my](mailto:pelesenan@mpaj.gov.my).

Segala kerjasama dari pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam mematuhi semua arahan Majlis dan menjayakan program ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MARLINA BINTI MOHAMAD PPC)**  
Pengarah  
Jabatan Pelesenan  
b.p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

9/11/2020